


Jilid III
Bil. 63

Hari Rabu
11hb Januari, 1978



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT:
[Ruangan 7063]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Insuran (Pindaan) [Ruangan 7063]
- Rang Undang-undang Odit (Pindaan) [Ruangan 7090]
- Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
[Ruangan 7112]
- Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan)
(Pindaan) [Ruangan 7136]
- Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) [Ruangan 7147]

Ahli-ahli Jawatankuasa untuk menjalankannya. Dalam cadangan yang ada di tangan saya ini seorang pun ahli politik tidak akan diambil dalam jawatan ini. Jangan dibimbangkan, saya akan menggunakan kuasa politik, saya sudah ada pun, semuanya boleh dikatakan pegawai Kerajaan, jadi tidak bimbang, kalau tidak bagus, kita boleh marah — senang, ahli politik ini susah (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, had itulah sahaja yang dapat saya terangkan dan saya hendak tambah satu perkara lagi berkenaan dengan tanah ini tidak payahlah saya sebut, tetapi saya sedar tanah itu bukan gadai, tetapi kalau kita sudah beri sekian tahun, kemudian hendak diambil balik, memang tidak boleh. Nanti dituntut pula dan diminta kerugian iaitu macam gadai katanya.

Kemudian dalam kawasan ini termasuk juga yang telah dikeluarkan — saya tidak kata gadai di sini — lebih kurang 35,000 ekar dalam tahun 1971/1972. Ada satu yang saya tahu dan dapat ke tangan saya dengan sebab terlayang menyatakan satu kawasan di Machang seluas 35,000 ekar dikeluarkan pada tahun 1971 kepada 3 orang, modalnya \$3 dan boleh mengeluarkan kayu sehingga tahun 1992. Ini banyak, hampir 10 keping, ada 350,000 ekar yang semacam ini — saya tidak tahulah dan saya akan siasat. Modal \$3 boleh dapat 35,000 ekar. Adakah ini betul? Tetapi hak lesen ada di tangan orang itu. Kawasan ini luas, boleh kita buat infrastrukture, menjalankan berkenaan pembalakan, lain-lain kawasan yang belum dikeluarkan banyak lagi, kita biarkan dia, kalau dia boleh mengeluarkan dengan mencari jalan, kita tidak tahulah, tetapi saya ada keterangan itu — \$3. Itu yang saya tahu, maka susah kalau kita hendak minta balak ini. Kalau saya hendak minta 1,000 ekar bagi rumah tangga pun payah hendak dapat. Ini \$3 buat modal, paid up capital dapat 35,000 ekar. Itulah yang saya hendak terangkan dan inipun hendak saya betulkan, bila saya pergi ke sana, bagaimana caranya supaya dapat kita adikan dan betulkan yang ada dalam rancangan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah ucapan saya dan saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dan saya harap dapat kerjasama daripada saudara kita khasnya Ahli Yang Berhormat dari Kelantan dalam pembangunan demi kepentingan rakyat Kelantan yang kita sudah meniat selama ini hendak menolong dan bagaimana saya kata tadi kalau boleh berkenaan dengan Kemajuan Wilayah Kelantan ini hendaklah kita ketepikan perkara politik melainkan tuju semata-mata untuk perlaksanaan dan kemajuan wilayah. .

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu

suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan), 1977 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Akta Pindaan ini ialah pertama, bagi memperluaskan kuasa Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1977, ke Sabah dan Sarawak.

Tujuan kedua pindaan ini ialah untuk memansuhkan "The Modification of Law (Merchant Shipping) (Malaysia Registry) Order 1964".

Tujuan ketiga pindaan ini ialah bagi memansuhkan peruntukan undang-undang bertulis di Negeri Sabah dan Sarawak yang selaras dengan peruntukan Bahagian 11A Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1977 telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun lalu dan telah diistiharkan dalam Warta Kerajaan sebagai Akta A393 pada 17hb Mac, 1977. Pindaan tersebut ialah bagi membolehkan Kerajaan mengawal perkhidmatan perkapalan di dalam kawasan Perairan Malaysia (domestic shipping), iaitu apa yang disebut sebagai "sabotage policy". Ia juga bertujuan membolehkan Kerajaan menggalak dan memberi perlindungan kepada warganegara Malaysia untuk melabur dan mengambil bahagian yang cergas di dalam bidang tersebut.

Walau bagaimanapun, di dalam pindaan tersebut telah tidak memberi peruntukan-peruntukan undang-undang yang cukup bagi Akta pindaan itu diperluaskan kuatkuasanya meliputi Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian Bahagian I Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 perlu dipinda selaras dengan tujuan dan maksud ini dan memperluaskan penggunaan Akta ini ke Sabah dan Sarawak.

Saya juga suka memaklumkan bahawa pindaan yang akan dilakukan ini tidak akan memberi beban kewangan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan untuk pertimbangan Dewan ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.48 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan), 1977 ini. Oleh kerana pindaan dan perluasan Akta ini meliputi Negeri Sabah dan Sarawak maka saya suka bercakap untuk perhatian pihak yang bertanggungjawab khasnya di Negeri Sarawak mengenai pendaftaran perkapalan dan juga yang saya anggap ada perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah perkapalan saudagar di Negeri Sarawak.

Di Negeri Sarawak juga seperti negeri-negeri lain dalam Malaysia di mana satu pejabat khas untuk bertanggungjawab atas masalah perkapalan yang diketuai oleh Director of Marine telah membuat berbagai-bagai undang-undang perkapalan saudagar di negara itu selama ini. Saya yakin dengan adanya pindaan kepada Rang Undang-undang ini dan peruntukan-peruntukan untuk memansuhkan undang-undang bertulis yang berkuatkuasa dalam Negeri Sarawak selama ini saya rasa supaya dapat memberi kesan yang lebih baik lagi apabila kelulusan Rang Undang-undang ini nanti.

Di Negeri Sarawak dan Sabah khasnya dan di Malaysia amnya supaya apa-apa yang menjadi sungutan rakyat jelata selama ini dapat diatasi iaitu banyak jiwa telah terkorban disebabkan kapal terbalik dalam laut, sebab saudagar yang mempunyai kapal seperti itu kurang mematuhi undang-undang dan peraturan perkapalan sehingga membawa

barang-barang yang berat dan ditempatkan di atas deck seperti kereta dan sebagainya. Pernah berlaku peristiwa seperti ini tidak berapa lama dahulu di Kuala Rejang, kapal terbalik kerana muatannya berat di atas deck. Apabila kapal itu dipukul angin kencang dan gelombang langsung tidak dapat mengikut lenggang gelombang terus terbalik, disebabkan dalam muatannya di atas deck berpindah ke sebelah kapal sahaja kerana apa yang saya difahamkan muatan berat atas deck seperti kereta telah putus tali ikatannya terus melancar ke sebelah yang membuat kapal itu senget dan karam. Ini berlaku kepada sebuah kapal besi yang beratnya jikalau saya tidak silap lebih daripada 100 tan. Kapal-kapal di Negeri Sarawak sekarang masih banyak lagi yang dibuat daripada kayu sebagai kapal saudagar yang belayar diperairan laut Negeri Sarawak dari satu tempat ke satu tempat yang lain yang beratnya di antara 50 — 100 tan ataupun lebih.

Ada juga di antaranya yang dibenarkan membawa penumpang. Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan sebelum kapal-kapal itu didaftarkan satu pemeriksaan yang teliti harus dibuat bagi menjamin keselamatan kapal-kapal itu sendiri dan juga juragan kapal serta anak-anak kapal harus mendapat segala latihan bagi menggunakan alat-alat keselamatan yang di bawah peraturan perkapalan supaya mereka dapat menggunakannya dengan baik untuk menyelamatkan penumpang dan mereka itu sendiri apabila dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, di Negeri Sarawak boleh dikatakan pada tiap-tiap tahun ada berlaku kemalangan kapal-kapal kayu di laut seperti tenggelam disebabkan oleh kapal-kapal itu tidak begitu tegap dan muatannya berlebihan dan ada kalanya juga enjin kapal itu tidak begitu baik seperti yang saya difahamkan. Oleh yang demikian saya berharap pihak yang bertanggungjawab apabila memeriksa kapal-kapal, kapal-kapal kayu khasnya untuk menyambung lesen di masa-masa tertentu biarlah dengan teliti bukan

sahaja badan kapal itu bahkan termasuk enjinnya beserta dengan kelengkapan yang lain lagi seperti yang ditetapkan oleh peraturan dan undang-undang perkapalan saudagar di negara kita ini.

Mengenai kapal-kapal yang berjalan dalam sungai pula seperti di Batang Rejang dan Batang Ijan atau sungai-sungai yang lain yang tertentu di Sarawak yang disebutkan ekspres yang laju boleh berjalan sehingga sampai 30 batu sejam membuat ombak besar supaya dibuat dengan satu syarat tertentu supaya kapal-kapal yang laju seperti itu berjalan dengan perlahan apabila melintasi perahu atau sampan-sampan kecil bagi mengelakkan perkara buruk berlaku. Begitu juga waktu melintasi pengkalan atau jeti di kampung dan rumah panjang biarlah berjalan perlahan. Sekarang kita boleh lihat di tebing Sungai Rejang, Sungai Ijan dan sungai-sungai yang lain di mana terdapat ekspres laju itu berjalan telah mengakibatkan begitu susur tebing sungai sehingga melibatkan kawasan tanah rumah panjang dan kampung. Saya percaya perkara ini memang telah disedari oleh pihak yang berkenaan di Negeri Sarawak. Apa yang saya harap, kesedaran itu biarlah mendapat perhatian dan tindakan yang sesuai bagi melindungi kepentingan rakyat yang diam di tebing sungai.

Mengenai kapal nelayan yang berdaftar pula apa yang saya lihat sekarang di Sarawak banyak yang besar-besar di antara 30-50 tan atau untuk digunakan bagi menangkap ikan di laut dalam kadang-kadang kapal itu juga ada ternampak menangkap ikan di tepi pantai yang boleh mengganggu nelayan kecil di tepi pantai sehingga nelayan miskin terutama bumiputra seperti di daerah saya terlibat. Oleh itu, ingin saya mengesyorkan supaya kapal penangkap ikan yang berat lebih daripada 30 tan ke atas hendaklah didaftarkan dengan syarat tertentu supaya tidak menangkap ikan sejauh tidak kurang daripada 12 batu dari pantai supaya dapat melindungi nelayan-nelayan bot kecil terutama di Negeri Sarawak. Di sini ingin juga

saya mengesyorkan supaya kawasan laut sejauh 12 batu dari tepi pantai dibuat tanda khas atau tertentu bagi mengelakkan perkara apa yang saya sebutkan itu tidak berlaku.

Akhirnya, saya mengesyorkan kepada pihak berkenaan di Sarawak supaya kapal-kapal Kerajaan yang ditinggalkan oleh penjajah dahulu itu yang telah lapuk dan buruk, badan kapal itu dan juga enjinnya biarlah diganti dengan yang baik dan sesuai dengan keadaan sekarang. Bagi mana-mana kapal Kerajaan yang masih menggunakan nama penjajah dahulu hendaklah digantikan dengan nama baru yang sesuai dengan nama-nama dalam sebutan Malaysia.

5.57 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta yang dikemukakan oleh Kementerian Perhubungan iaitu Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) terutama sekali di kawasan Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa Negara Malaysia ini ada tiga wilayah (regional) yang terlibat iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung Malaysia ini kita dikelilingi oleh air dan peranan perkapalan amatlah penting untuk urusan-urusan perniagaan di dalam negara kita tetapi setakat hari ini kita tahu cuma satu sahaja badan perkapalan yang ada di dalam negara kita iaitu Malaysian International Shipping Company. Setakat ini dalam bahagian perkapalan terutama sekali perkapalan saudagar belum ada lagi kita nampak reaksi daripada pihak Kerajaan sendiri untuk menggalakkan peranan bumiputra dalam bidang perkapalan ini. Walhal kita lihat bumiputra kita ada minat dalam bahagian perkapalan tetapi belum ada lagi dorongan tertentu yang dibuat oleh pihak Kerajaan.

Selama ini kita menekankan kepentingan menjalankan perusahaan pengangkutan di

atas daratan tetapi tidak ada dorongan dalam bidang laut ia dalam perkapalan perkara. Saya berharap usaha Kerajaan untuk menitikberatkan pihak bumiputra sama-sama hidup setimpal dengan warganegara yang lain yang telah memegang beberapa kedudukan dalam bahagian perkapalan saudagar. Kita semua sedia maklum bahawa dalam bahagian perkapalan ini juga banyak ada kaitan dengan kemudahan di pelabuhan. Tadi kita telah dengar masaalah-masaalah yang dikemukakan oleh wakil dari Sarawak. Kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh orang ramai seperti bot tenggelam dan sebagainya kerana tidak ada pelaksanaan kuasa yang tegas dalam perkara ini. Ini adalah disebabkan kerana kedudukan ship surveyor seperti yang diterangkan di dalam Akta tambahan ini yang mana jawatan Surveyor of Ships baharu hendaklah dilantik dalam negeri tersebut. Dan kedudukan Surveyor of Ships ini daripada segi jawatan dalam perjawatan Kerajaan saya percaya ramai di antara orang ramai termasuklah Kementerian-kementerian ataupun pegawai-pegawai Kerajaan tidak berapa tahu tanggungjawab yang dihadapi oleh mereka sehinggakan di dalam siasatan saya pada satu ketika untuk mengetahui bahawa kedudukan yang begitu penting yang mempunyai kuasa boleh meluluskan samada sesuatu kapal itu boleh digunakan lagi atau tidak atau adakah nilai kapal itu adalah diketuai oleh satu jawatan yang tarafnya amat rendah jika hendak dibandingkan kedudukan jawatan tersebut dengan jawatan-jawatan pentadbir yang ada di dalam Kementerian-kementerian.

Di dalam perkara ini saya sendiri pada hari ini minta Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan samada kenyataan saya ini benar atau tidak atau samada Kementerian sedar atau tidak bahawa jawatan Surveyor of Ships itu tidak sangat diperuahkan oleh pihak yang bertanggungjawab dan juga samada orang-orang yang bertanggungjawab memegang jawatan tersebut telah mendapat latihan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya terangkan lebih awal tadi selama ini Kerajaan kita tidaklah sangat mengambil berat kedudukan jawatan-jawatan yang ada kaitannya dengan kerja-kerja di laut, kerana boleh jadi pihak negara kita dalam bidang perkapalan ini masih lagi di peringkat anak-anak ataupun dikatakan dalam infancy stage tetapi negara kita ini membangun. Jadi oleh itu pihak Kerajaan apabila kita mengadakan undang-undang seperti ini hendaklah juga mengadakan satu scheme dan programme rancangan Kementerian sendiri dalam bidang perkapalan untuk keseluruhan negara.

Saya tahu pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan kita ada membuat limbungan kapal seperti di Pasir Gudang, tetapi saya tidak mahu pihak Kerajaan kita ini membelanjakan sebegitu besar mengadakan satu limbungan dan limbungan itu akan tertinggal ke belakang apabila siap kelak kegunaannya kerana tidak dikaji, tidak mengikut perkembangan-perkembangan perkapalan. Jadi kita tidak mahulah apabila limbungan itu siap nanti pada ketika itu juga telah menjadi out-of-date. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, comment-comment seperti ini terhadap negara kita menyediakan alat-alat kemudahan bagi perkapalan out-of-date ialah di dalam lawatan saya ke EEC dapat melawat ke Benua Eropah, di sana tiada senarai nama Malaysia di dalam pelabuhan yang dikatakan pelabuhan. Bila saya bertanya kepada pihak berkenaan, mereka masih lagi belum menganggap Malaysia mempunyai taraf pelabuhan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada saya menyokong perkara ini, sukacitalah saya menarik perhatian-perhatian yang saya sebutkan tadi dan minta pihak Kerajaan mengambil berat masaalah keadaan perkapalan yang ada di dalam negara kita ini dan mengadakan persediaan latihan kepada anak-anak warganegara kita supaya dihantar pergi berlatih ke luar negeri.

Saya tahu pada ketika ini ada satu dua badan yang bertanggungjawab dalam bidang

untuk mengusahakan Bumiputra dari segi latihan iaitu MARA dan barangkali saya percaya MISC ada sedikit-sedikit tetapi tidak ada dibuat secara menyeluruh yang boleh menarik perhatian orang ramai walhal negara kita dikelilingi oleh air.

Satu perkara yang lain yang saya hendak sebutkan di sini oleh sebab tujuan Akta ini hendak meluaskan kuasa bagi mengawal lalu-lintas perkapalan di perairan Malaysia. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kementerian mempunyai kepakaran untuk menyiasat dan mengetahui samada kapal-kapal antarabangsa yang lalu di perairan Malaysia ini melepaskan kekotoran-kekotoran daripada kapalnya di Selat kita. Kerana, kekotoran daripada kapal ini, kalau tidak dikaji dan diamati atau dikawal dan diambil tindakan, boleh melibatkan sara hidup nelayan-nelayan kita yang pada hari ini susah hendak menangkap ikan dan juga jikalau kita tengok oleh sebab kekurangan, susahnya nelayan-nelayan untuk hendak mendapatkan ikan sehingga harga ikan di pasar hari-hari meningkat naik dan ini juga menyebabkan kehidupan hari-hari warga-negara dan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat Kementerian dalam meminta Dewan ini meluluskan satu Akta mengenai masaalah perkapalan ini saya minta dalam perkara implementasi dan enforcementnya juga akan berjalan sejajar dengan kehendak negara dan kehendak orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

6.05 ptg.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Perhubungan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberikan pandangan dan teguran berhubung dengan pindaan Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan

dan Perluasan) 1977 ini dan mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli itu sekali lagi atas teguran-teguran yang diberikan.

Berhubung dengan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah yang menyentuh mengenai masaalah-masaalah pendaftaran perkapalan saudagar, masaalah-masaalah pendaftaran perkapalan dalam mana Yang Berhormat itu telah membayangkan banyak kejadian-kejadian yang lalu, iaitu kejadian kemalangan kapal di Sarawak yang disebabkan oleh beberapa hal di antaranya ialah oleh kerana kapal-kapal yang lama dan kapal-kapal kayu yang digunakan bagi mengambil penumpang-penumpang.

Demikian juga kapal-kapal yang digunakan dalam sungai-sungai yang mana dinamakan Kapal Ekspres di Sarawak. Suka saya menyatakan di sini bahawa di Sarawak pada masa ini telahpun ada mempunyai Undang-undang Perkapalan Saudagarnya sendiri. Undang-undang ini sebetulnya sudah mempunyai peruntukan-peruntukan yang cukup untuk mengawal keselamatan pelayaran kapal-kapal dan hal-hal yang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, bagi pihak Kementerian ini sukalah saya memberi jaminan bahawa Kementerian ini akan memberi perhatian yang lebih serta mengambil langkah-langkah yang perlu dan sesuai dalam usaha untuk memperbaiki masaalah-masaalah perlesenan dan penentuan perlesenan kepada kapal-kapal yang dimaksudkan itu.

Berhubung dengan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengenai jawatan Surveyor of Ships. Sebenarnya jawatan ini pada masa ini telahpun ada dan bukanlah maksudnya baharu kita hendak lantik, tetapi dalam pindaan ini perlantikan itu kita berhajat dibolehkan sebagai berkuasa kepada Negeri Sabah dan Sarawak. Sebenarnya jawatan itu pada masa ini dipegang oleh seorang pegawai kontrek dari luar negeri disebabkan belum ada pegawai-

pegawai tempatan yang sesuai untuk menjalankan tugas-tugas tersebut. Walaupun demikian, Kementerian Perhubungan sedar akan kekurangan-kekurangan yang berlaku itu dan tindakan sedang diambil untuk mendapatkan anak-anak negeri ini yang mempunyai pelajaran dan latihan di luar negeri bagi mengambil tempat dalam jawatan itu pada masa hadapan.

Berhubung dengan teguran beliau mengenai galakan-galakan atau intensif yang perlu diadakan oleh Kementerian ini, saya suka menerangkan bahawa saya percaya dengan adanya pindaan yang dibuat di dalam tahun 1977 dan sedikit-sebanyak pindaan yang dibuat di atas pindaan dan perluasan tahun 1977, memang telah jelas dinyatakan bahawa sebahagian daripada tujuan pindaan yang dibuat kepada Akta Perkapalan Saudagar itu adalah dengan niat untuk memberikan peluang kepada anak negeri ini terutama sekali bumiputra supaya lebih giat berkecimpung dalam bidang perkapalan. Saya suka menerangkan di sini bahawa selain daripada polisi yang akan dikuatkuasakan sedikit hari lagi, Kementerian Perhubungan juga sedang berusaha dengan Perbendaharaan dalam memikirkan dan menyediakan bentuk-bentuk insentif atau galakan yang patut diberi kepada pengusaha-pengusaha tempatan terutama sekali bumiputra dalam bidang perkapalan.

Sekianlah sahaja penjelasan saya dan sekali lagi saya menyatakan ucapan terima kasih bagi pihak Kementerian ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 dan 2 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.16 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1978 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 dan berkuatkuasa kepada peruntukan-peruntukan tertentu yang bersampingan dengannya dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 disemak 1971, Akta Mahkamah Budak-budak 1947 disemak 1972, Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Kastam 1967 untuk tujuan menyusun semula pentadbiran Mahkamah-mahkamah Rendah. Jabatan Mahkamah telah mengkaji dengan teliti masaalah-masaalah backlog yang semakin bertambah di mahkamah-mahkamah dan berpendapat bahawa sebagai satu jalan untuk mengurangkan backlog ini pentadbiran Mahkamah Rendah hendaklah disusun semula dengan:

- (a) Memperluaskan bidangkuasa Yang Dipertua — Yang Dipertua Mahkamah Sesyen supaya mereka boleh membicarakan setengah-setengah jenis kes yang sekarang ini dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi, dan
- (b) Memperluaskan bidangkuasa Majistret-majistret supaya mereka boleh membicarakan setengah-setengah jenis kes yang sekarang dibicarakan oleh Mahkamah Sesyen.

Pada masa ini terdapat 127 buah Mahkamah Rendah di Semenanjung Malaysia yang dikendalikan oleh 26 orang Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen termasuk 4 orang Yang di-Pertua Khas dan 40 orang Majistret. Bidangkuasa jenayah Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen adalah termaktub di dalam Seksyen 63 Akta Mahkamah Rendah 1948 yang memberi kuasa kepada seseorang Yang di-Pertua untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum di bawah beberapa Seksyen dalam Kanun Kesiksaan (Penal Code). Di bawah Seksyen yang sama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong boleh memberi kuasa khas kepada seseorang Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen untuk membicarakan kes-kes yang membawa hukuman penjara tidak lebih daripada 14 tahun dan juga kesalahan-kesalahan di bawah beberapa Undang-undang termasuk Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Senjatapi Penalti Lebih Berat tahun 1971 yang membawa hukuman penjara seumur hidup.

Seksyen 63 telah menimbulkan beberapa kesulitan dan perlu dipinda tiap-tiap kali dibuat perubahan dalam seksyen-seksyen yang berkenaan dalam Kanun Kesiksaan atau undang-undang yang disebutkan di atas. Oleh yang demikian Seksyen 63 telah dipinda untuk membolehkan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen membicarakan semua kes selain daripada kes-kes yang dibawa hukuman mati. Dalam hubungan ini adalah dicadangkan supaya jawatan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Khas dihapuskan dan gelaran mereka diubah kepada Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen. 16 buah Mahkamah-mahkamah Sesyen akan ditubuhkan di tiap-tiap bandar di mana ada Mahkamah Tinggi sekarang kecuali Perlis. Dengan bertambahnya bidangkuasa Yang di-Pertua-Yang di-Pertua adalah dicadangkan supaya mereka dilantik dari pegawai-pegawai perundangan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 7 tahun.

Berkenaan dengan Majistret-majistret pula, Seksyen 85 Akta Mahkamah Rendah, 1948